



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/08/112 (HQ)

LEBIH 1.8 JUTA PENGGUNA PINTAR MENJELANG HUJUNG TAHUN

- TNB sambung pemasangan 600 ribu lagi meter pintar

Lebih 600,000 lagi pengguna **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** bakal menjadi pengguna meter pintar menjelang hujung tahun ini berikutan penyambungan semula projek pemasangan meter pintar yang sebelum ini ditangguh berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

Kerja-kerja pemasangan meter pintar disambung semula pada 1 Ogos 2021 berikutan mendapat kebenaran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), selepas terpaksa ditangguhkan ketika penutupan penuh atau total lockdown sejak Jun lalu.

Pengarah Projek, Advanced Metering Infrastructure (AMI) TNB, Ir Mohamed Ghous Ahmad berkata tumpuan akan diberikan untuk memastikan SOP seperti penjarakan sosial dan pemakaian topeng muka sentiasa dipatuhi setiap masa.

“Pemasangan meter pintar pada awal fasa ini berfokus pada bangunan bertingkat tinggi yang mempunyai pihak pengurusan bangunan di Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya serta Cyberjaya bagi menjaga penjarakan sosial untuk membendung penularan wabak COVID-19.

“Demi menjamin keselamatan kontraktor dan pelanggan, pemasangan meter pintar ini dibuat dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat seperti ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).”

TNB juga komited memastikan warga kerja dalam kalangan barisan hadapannya menerima vaksinasi.

Sehingga hari ini, 98% daripada hampir 8,000 pekerja barisan hadapan TNB telah pun menerima dos lengkap di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Menurut Mohamed Ghous, dengan penyambungan semula pemasangan meter ini, jumlah pengguna meter pintar bakal meningkat kepada lebih 1.8 juta pada penghujung 2021. Sehingga 30 Jun 2021, 1.22 juta pelanggan TNB telah memasang meter pintar di Lembah Klang dan Melaka.

Pengguna meter pintar menikmati pelbagai kelebihan termasuk dapat memantau dan mengawal penggunaan elektrik mereka menerusi gabungan portal dan aplikasi myTNB. Secara amnya, lebih 60 peratus pengguna meter pintar TNB telah pun menggunakan pakai myTNB.

Pengguna meter pintar dan myTNB boleh memantau corak penggunaan dalam Ringgit Malaysia atau kilowatt-jam (kWj), melihat notifikasi penggunaan semasa pada hujung kitaran bil, serta impak penggunaan tenaga ke atas alam sekitar.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 Ogos 2021, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Lebih 600,000 lagi pengguna **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** bakal menjadi pengguna meter pintar menjelang hujung tahun ini berikutan penyambungan semula projek pemasangan meter pintar yang sebelum ini ditangguh berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.



Pengarah Projek, Advanced Metering Infrastructure (AMI) TNB,
Ir Mohamed Ghous Ahmad